

21/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
2011
1 $\frac{1}{4}$ jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR
TINGKATAN 3 2011

SEJARAH

Kertas 1
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 27 halaman bercetak

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian sejarah.

Sejarah membicarakan tentang masyarakat manusia, atau peradaban manusia, tentang perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu.

Tokoh **X**

Siapakah **X** ?

- A Herodotus
- B Ibn Khaldun
- C Raja Ali Haji
- D Muhd Yusof Ibrahim

- 2 Senarai berikut merujuk kepada penempatan masyarakat Zaman Prasejarah di Malaysia.

- Sungai Tembeling, Pahang
- Changkat Menteri, Perak

Apakah kegiatan masyarakat di penempatan tersebut ?

- A Membuat tembikar
- B Memungut hasil hutan
- C Mencipta barang kemas
- D Mencipta alat gangsa dan besi

- 3 Senarai berikut merujuk kepada sebuah kerajaan awal di Asia Tenggara.

Kerajaan X
<ul style="list-style-type: none">•Diasaskan oleh Raden Wijaya• Melaksanakan sistem pentadbiran berasaskan Undang-undang Manu• Menjadi tempat perdagangan utama pada abad ke-15 Masihi

Di manakah pelabuhan utama Kerajaan X ?

- A Palembang
- B Kedah Tua
- C Inderapura
- D Chih Tu

- 4 Asal usul nama Melaka dikaitkan dengan pelbagai sumber.

Apakah sumber tersebut ?

- I Sejarah Melayu
 - II Mitos Hindu
 - III Pedagang Cina
 - IV Pedagang India
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Orang Laut dikenali sebagai Orang Selat atau Cellates dan Seletar di kalangan pengembara Barat.

Apakah peranan Orang Laut di Melaka ?

- A Mengutip hasil hutan
- B Menguruskan hasil cukai
- C Menjaga keselamatan perairan
- D Membawa alat-alat kebesaran diraja

- 6 Pada abad ke-15, Melaka menjadi pusat penyebaran dan pengajian agama Islam yang unggul. Perkembangan agama Islam di Melaka telah meninggalkan kesan yang boleh dibanggakan.

Apakah kesan perkembangan agama Islam di Melaka ?

- A Kewujudan institusi kesultanan
- B Kemajuan dalam bidang perdagangan
- C Kemampuan untuk menguasai China
- D Konsep devaraja dikekalkan

- 7 Senarai berikut merujuk kepada karya sastera terjemahan yang dihasilkan oleh golongan cerdik pandai Melaka.

Karya Sastera Terjemahan

- Hikayat Amir Hamzah
- Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
- X

Apakah X ?

- A Hikayat Bakhtiar
- B Hikayat Nabi Wafat
- C Hikayat Nabi Bercukur
- D Hikayat Iskandar Zulkarnain

- 8 Maklumat berikut merujuk kepada faktor kemerosotan dan kejatuhan Melaka pada tahun 1511.

Faktor Kemerosotan dan Kejatuhan Melaka
<ul style="list-style-type: none">• Masalah perpaduan• Kedatangan Portugis• X

Apakah faktor **X** ?

- A Kelemahan askar Portugis
 - B Kedatangan askar Bugis
 - C Kelemahan kepimpinan
 - D Kebangkitan penduduk
- 9 Senarai berikut merujuk kepada kerajaan yang ditakluki oleh Aceh pada abad ke-17.

<ul style="list-style-type: none">• Pedir• Pasai

Apakah kepentingan kerajaan tersebut kepada Aceh ?

- A Memperkukuhkan pasukan ketenteraan
- B Menguasai perdagangan lada hitam
- C Menguasai hasil perlombongan
- D Menguasai perdagangan beras

10 Senarai berikut merujuk kepada sebuah kerajaan yang terletak di pantai timur Sumatera.

Kerajaan X
<ul style="list-style-type: none">• Merupakan jajahan takluk Johor• Muncul sebagai sebuah kuasa politik dan ekonomi yang baru di Selat Melaka• Berusaha mendapatkan kebebasan daripada Johor

Apakah X ?

- A Bengkalis
- B Kampar
- C Jambi
- D Siak

11 Siapakah yang telah membuat pakatan dengan anak raja Bugis lima bersaudara untuk mengusir Raja Kechil bagi mendapatkan semula takhta Johor ?

- A Tun Abdul Jalil
- B Raja Abdullah
- C Tun Abdul Jamil
- D Raja Sulaiman

12 Antara berikut yang manakah dikaitkan dengan asal usul nama Terengganu ?

- I Tong Ya Tong
 - II Teng Ya Nung
 - III Taring Anu
 - IV Tulang Anu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


13 Maklumat berikut berkaitan dengan kesenian rakyat di Malaysia.

- Seni tekat merupakan sejenis kraftangan yang popular di kalangan masyarakat Melayu
- Kain baldu disulami dengan benang emas

Antara berikut yang manakah merupakan hasil seni tekat ?

- A Kipas
- B Rehal
- C Tepak sireh
- D Tembaga


14 Rajah berikut menunjukkan kegiatan ekonomi kumpulan etnik di Sarawak.



Apakah X?

- A Kelabit
- B Kayan
- C Melayu
- D Melanau

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan ekonomi di Sabah.



Apakah kepentingan Pasar Tamu di Sabah?

- A Mewujudkan semangat muhibah dan harmoni
 B Menambahkan kekayaan kerajaan Sabah
 C Mengukuhkan kedudukan Orang Tua
 D Menjamin kesejahteraan hidup
- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha Syarikat Hindia Timur Inggeris(SHTI) untuk mendapatkan Seberang Perai.

Perjanjian Persahabatan dan Perikatan 1800
<ul style="list-style-type: none"> • Perjanjian antara Sultan Dziauddin dengan Gabenor George Leith • SHTI menduduki Seberang Perai dan dinamakan Province Wellesly

Mengapakah Sultan Dziauddin menandatangani perjanjian tersebut?

- A Mengelakkan campurtangan Belanda
 B Menjamin kepentingan perdagangan
 C Mendapatkan bantuan ketenteraan
 D Menjalin hubungan diplomatik
- 17 Apakah kesan Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 terhadap Kepulauan Melayu?
- A Kepulauan Melayu terbahagi kepada dua kawasan pengaruh
 B Belanda berundur dari Kepulauan Melayu
 C Kepulauan Melayu dikuasai oleh British
 D Belanda menguasai Singapura


18 Maklumat berikut berkaitan dengan penguasaan British di Pahang.

- Pahang merupakan negeri terakhir yang menerima Residen British
- British mahu menguasai Pahang walaupun tidak kaya seperti negeri-negeri Melayu yang lain

Mengapakah British bertindak demikian ?

- A Menamatkan pemberontakan
- B Mengumpulkan kekuatan tentera
- C Menyelesaikan masalah perebutan takhta
- D Menghalang pertapakan kuasa Eropah lain


19 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Negeri -Negeri Melayu Bersekutu atau Persekutuan 1896.



Mengapakah British menyatukan negeri-negeri tersebut?

- A Kesejahteraan rakyat
- B Kelemahan sistem Residen
- C Mengukuhkan kuasa sultan
- D Melemahkan pengaruh Belanda

- 20 Rajah berikut berkaitan dengan usaha British menghalang kuasa Barat lain meluaskan kuasa di Tanah Melayu.



Apakah **X**?

- A Perjanjian Perisytiharan British-Siam 1902
 - B Perjanjian Inggeris-Belanda 1824
 - C Perjanjian Bangkok 1909
 - D Perjanjian Pangkor 1874
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan pengukuhan kuasa Penasihat British di Terengganu.

British menguasai semua jabatan penting kerajaan dan diletakkan di bawah Penasihat British.

Apakah jabatan yang berjaya dikuasai oleh British di Terengganu?

- I Jabatan Hasil
 - II Jabatan Kastam
 - III Jabatan Kerja Raya
 - IV Jabatan Polis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 22 Gambar berikut menunjukkan pemerintah negeri Johor.



Sultan Abu Bakar

- Mengapakah baginda digelar Bapa Pemodenan Johor?
- A Memperkenalkan Sistem Kangcu
 - B Meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor
 - C Mengasaskan pusat pentadbiran baru di Tanjung Puteri
 - D Membawa perubahan dalam pentadbiran dan pembangunan Johor
- 23 Mengapakah Perlembagaan Sarawak 1941 tidak dapat dilaksanakan ?
- A Perang Dingin
 - B Perang Napoleon
 - C Meletusnya Perang Dunia Kedua
 - D Meletusnya Perang Dunia Pertama

- 24 Graf di bawah menunjukkan pengeluaran petroleum di Miri, Sarawak dari tahun 1910 hingga 1940.



Apakah syarikat yang mendapat konsesi untuk menjalankan kegiatan perlombongan petroleum di Sarawak?

- A Syarikat Borneo Utara British
- B Sarawak Steamship Company
- C Syarikat The Anglo-Saxon Oil Company
- D Petronas Carigali Sdn Bhd

- 25 Mengapakah keluarga Brooke tidak menggalakkan pembinaan sekolah untuk orang Dayak?
- A Menghadapi kekurangan guru
 - B Masalah kewangan
 - C Menjaga kepentingan ekonomi
 - D Mengekalkan cara hidup tradisional
- 26 Maklumat berikut merupakan tugas yang dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk membantu menguruskan pentadbiran.

- Menguruskan hal ehwal kampung
- Menjaga keamanan
- Membantu memajukan perdagangan

Apakah jawatan tersebut?


- A Residen
 - B Ketua kampung
 - C Pegawai Daerah
 - D Ketua Anak Negeri
- 27 Apakah jawatan yang dikhaskan untuk lulusan dari Sekolah Latihan bagi anak-anak Ketua Anak Negeri di Sabah?
- I Renjer
 - II Residen
 - III Ketua kampung
 - IV Ketua Anak Negeri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 28 Maklumat berikut merujuk kepada bandar yang berjaya dimajukan oleh Syarikat Borneo Utara British(SBUB) di Sabah.

- Diasaskan pada tahun 1900
- Dikenali dengan nama Api-Api, Singga Mata atau Diasuka

Apakah bandar tersebut?

- A Tawau
 B Jesselton
 C Sandakan
 D Semporna
- 29 Peta berikut menunjukkan pertambahan kawasan tanaman getah pada kurun ke 20 di Tanah Melayu.



Peta 6.4 Kawasan tanaman getah pada kurun ke-20. Tanah Melayu merupakan pengeluar getah terbesar di dunia sebelum Perang Dunia Kedua.

Mengapakah permintaan terhadap getah meningkat?

- A Perusahaan membuat motokar
 B Perkembangan bandar baru
 C Kenaikan harga kopi
 D Kenaikan kadar cukai

30 Menjelang tahun 1939, terdapat satu jaringan jalan raya yang menghubungkan seluruh Tanah Melayu.

Apakah tujuan pembinaan jalan raya tersebut?

- A Menjamin keselamatan
- B Memajukan pelancongan
- C Memudahkan pentadbiran
- D Mengukuhkan perpaduan

31 Gambar berikut merujuk kepada tokoh pejuang negara kita.




Gambaran pelukis menunjukkan Dato' Maharaja Lela

Apakah perjuangan tokoh tersebut?

- A Menentang British di Perak
- B Menamatkan Perang Larut
- C Mengiktiraf Perjanjian Pangkor
- D Membina balai polis

- 32 Gambar berikut merujuk kepada tokoh tempatan yang menentang pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)di Sabah.



- Apakah faktor yang mendorong penentangan tokoh tersebut?
- A Perlucutan gelaran
 - B Perjuangan jihad
 - C Penguatkuasaan undang-undang
 - D Pengenalan cukai yang membebankan
- 33 Pada tahun 1905, Jepun berjaya mengalahkan Rusia dalam dalam Perang Rusia-Jepun. Apakah kepentingan peristiwa tersebut?
- A Menyemarakkan semangat kebangsaan
 - B Mengukuhkan sistem pertahanan
 - C Membentuk zon ekonomi bebas
 - D Mempercepatkan kemerdekaan

34 Apakah persamaan yang terdapat pada tokoh-tokoh berikut?

- Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin
- Haji Abbas Muhammad Taha
- Syed Syeikh al- Hadi

- A Melancarkan Gerakan Pan-Islam
- B Menerbitkan Suara Benar
- C Mempelopori Gerakan Islah di Tanah Melayu
- D Merupakan golongan KaumTua

35 Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan intelektual berpendidikan Melayu?

- A Golongan ulama
- B Golongan bangsawan Melayu
- C Lelasan Kolej Melayu Kuala Kangsar
- D Lelasan Maktab Perguruan Sultan Idris


36 Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh Jepun melalui slogan berikut?

“ Semangat Asia”

- A Membela negara-negara Timur
- B Memajukan ekonomi Asia
- C Mewujudkan perpaduan Melayu
- D Membangunkan kawasan pedalaman

- 37 Apakah peranan akhbar Fajar Asia semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Indonesia ?
- A Menyebarkan propaganda Jepun
 - B Mengutamakan pendidikan
 - C Memburukkan imej tentera Jepun
 - D Menyebarkan propaganda British
- 38 Dasar Jepun di Tanah Melayu ternyata mengongkong dan menyusahkan rakyat. Apakah iktibar daripada dasar tersebut ?
- A Sentiasa bekerjasama dengan penjajah
 - B Bersabar dan tidak bertindak melulu
 - C Tidak bergantung kepada negara lain
 - D Memboikot dasar-dasar penjajah
- 39 Pada bulan September 1945, Pentadbiran Tentera British (PTB) diperkenalkan untuk menguruskan pentadbiran peralihan di Tanah Melayu. Apakah kejayaan pentadbiran tersebut ?
- A Mengiktiraf Parti Komunis Malaya
 - B Mengusir kuasa asing
 - C Menyokong usaha kemerdekaan
 - D Mewujudkan keamanan

40 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu .




Apakah **X** ?

- A Pesuruhjaya Negeri-Negeri
 - B Majlis Melayu
 - C Residen
 - D Pesuruhjaya Tinggi British
- 41 Walaupun sebahagian besar orang Melayu menentang Malayan Union, namun terdapat juga sekumpulan kecil orang Melayu yang menyokongnya.
Apakah alasan mereka ?
- A Penyatuan pentadbiran agama Islam
 - B Menarik minat pelabur asing
 - C Kuasa raja dan pembesar Melayu dikekalkan
 - D Menghapuskan ancaman komunis

- 42 Bendera UMNO yang dikibarkan buat pertama kalinya di Pulau Pinang pada 27 Julai 1947 terdiri daripada warna putih, hijau, kuning dan merah. Apakah yang dapat dikaitkan melalui warna tersebut ?
- I Merah bererti keikhlasan
 - II Putih bererti kesucian
 - III Kuning bererti lambang raja
 - IV Hijau bererti tamadun Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 43 Mengapakah orang Melayu tidak tertarik dengan fahaman Komunis di Tanah Melayu ?
- A Bertentangan dengan agama Islam
 - B Menyokong kegiatan kongsi gelap
 - C Tidak boleh berbahasa Mandarin
 - D Berpusat di kawasan bandar
- 44 Apakah bentuk latihan yang diterima oleh anggota Parti Komunis Malaya (PKM) di Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura ?
- A Tempur tanpa senjata
 - B Taktik perang gerila
 - C Kemahiran pertukangan tangan
 - D Pengetahuan bercucuk tanam

- 45 Gambar berikut menunjukkan tempat Pertemuan Baling pada 28 dan 29 Disember 1955.



Sekolah Inggeris Baling, Kedah

- Mengapakah pertemuan tersebut gagal ?
- A Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu
 - B Pengenalan Malayan Union
 - C Pembentukan Parti Perikatan
 - D Tunku Abdul Rahman menolak syarat Chin Peng
- 46 Rajah berikut menerangkan perbelanjaan kerajaan sewaktu menentang Parti KomunisMalaya (PKM) antara tahun 1948 hingga 1960.

Perbelanjaan Harian \$ 250,000 hingga \$ 300,000	Perbelanjaan Tempoh 12 Tahun \$ 721.9 juta untuk ketenteraan
--	--

- Apakah kesan keadaan tersebut ?
- A Perpaduan kaum bertambah erat
 - B Pertambahan bilangan Kampung Baru
 - C Parti Komunis Malaya dibubarkan
 - D Pembangunan luar bandar diabaikan


- 47 Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa Hubungan antara Kaum (CLC) ?
- A Meningkatkan taraf kesihatan penduduk
 - B Mencapai perpaduan kaum
 - C Memenangi pilihan raya
 - D Merangka dasar pelajaran
- 48 Mengapakah Sekolah Tamil kurang mendapat sambutan masyarakat India di Tanah Melayu sekitar tahun 1950 -an ?
- A Sukatan pelajaran dari India tidak sesuai
 - B Lokasi sekolah di kawasan bandar
 - C Tenaga pengajar di kalangan penduduk tempatan
 - D Membolehkan anak membantu kerja di ladang
- 49 Senarai berikut merupakan manifesto sebuah parti politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Mencapai kemerdekaan dalam tempoh empat tahun
- Mewajibkan pendidikan rendah
- Menamatkan darurat

Apakah parti tersebut ?

- A Parti Perikatan
- B Parti Negara
- C Parti Islam Se-Malaya (PAS)
- D Parti Buruh

50 Carta alir berikut menunjukkan langkah ke arah kemerdekaan negara kita.



Apakah X ?

- A Penubuhan Jawatankuasa Majlis Eksekutif
 - B Pengenalan Sistem Ahli
 - C Rombongan Merdeka
 - D Suruhanjaya Cobbold
- 51 Maklumat berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Reid.

- Dibentuk pada Mac 1956
- Suruhanjaya ini dipengerusikan oleh Lord William Reid

Apakah perkara yang dipersetujui dalam suruhajaya tersebut ?

- A Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- B Bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan
- C Tiada agama rasmi dalam persekutuan
- D Ratu England sebagai ketua pentadbiran

- 52 Gambar berikut menunjukkan wakil kerajaan British dan raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Merdeka.



Di manakah perjanjian tersebut ditandatangani ?

- A Stadium Merdeka
 - B King's House, Kuala Lumpur
 - C Malborough House, London
 - D Hotel Adelphi, Singapura
- 53 Gambar berikut menunjukkan pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman




Apakah kesan peristiwa tersebut ?

- A Pengisytiharan perlembagaan
- B Berkuasa mentadbir sendiri

- C Menyekat kedatangan imigran
D Mendapatkan sokongan kerajaan British
- 54 Apakah cara yang digunakan oleh Gerard T. MacBryan untuk mendapatkan tandatangan pemimpin tempatan di Sarawak ?
A Rundingan
B Perjanjian
C Tipu muslihat
D Peperangan
- 55 Antara berikut yang manakah merupakan langkah British untuk melemahkan gerakan antipenyERAHAN Sarawak ?
A Penubuhan Rukun Tiga Belas
B Penubuhan Young Malay Association (YMA)
C Mengadakan demonstrasi
D Menerbitkan akhbar
- 56 Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat tentangan hebat daripada penduduk tempatan.
Mengapakah penduduk tempatan bersikap sedemikian ?
A Perubahan pucuk pimpinan
B Perubahan dasar perjuangan
C Menumpukan perhatian kepada perkembangan agama
D Memperbaiki keadaan politik dan ekonomi

- 57 Apakah matlamat pembentukan Persekutuan Malaysia?
- A Memajukan sosioekonomi
 - B Memajukan taraf hidup imigran
 - C Menyatukan rumpun Melayu
 - D Melaksanakan neokolonialisme

- 58 Rajah berikut menunjukkan tindakan Parti Rakyat Brunei.



Apakah tindakan mereka seterusnya apabila usul tersebut ditolak ?

- A Melancarkan gerakan Gestapo
 - B Melancarkan pemberontakan
 - C Mengisytiharkan konfrontasi
 - D Meminta bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- 59 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak dapat bertindak terhadap pencerobohan tentera Indonesia di beberapa kawasan di Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.
- Mengapakah berlaku keadaan sedemikian ?
- A Penubuhan MAPHILINDO
 - B Tentangan kerajaan Britain dan Amerika Syarikat
 - C Kuasa veto Rusia
 - D Pemisahan Singapura

60 Maklumat berikut merupakan peristiwa yang dihadapi oleh Malaysia.

- Konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia
- Filipina memutuskan hubungan diplomatik
- Pemisahan Singapura

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada sikap pemimpin Malaysia dalam menghadapi situasi tersebut ?

- A Cekap dalam pentadbiran
- B Berpandangan jauh
- C Mahir strategi perjuangan
- D Mementingkan diri

KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR
TINGKATAN 3 2011**

SEJARAH

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 3 halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN 21/1

NO.SOALAN	JAWAPAN	MS BUKU TEKS	
1	B	4	TINGKATAN 1
2	D	26	
3	B	41	
4	A	49-50	
5	C	51-52	
6	A	77-78	
7	D	79	
8	C	91	
9	B	106	
10	C	113	
11	D	116	
12	C	131	
13	A	170	
14	C	187	
15	A	203	
16	C	10	TINGKATAN 2
17	A	20	
18	D	42	
19	B	45	
20	A	56	
21	C	61	
22	D	65	
23	C	86	
24	C	91	
25	D	94	
26	B	106	
27	B	116	
28	B	119	
29	A	131	
30	C	147	
31	A	174	
32	D	184	
33	A	201	
34	C	204	
35	D	205	
36	A	5	
37	A	29	
38	C	32	
39	D	48	
40	B	51	

NO.SOALAN	JAWAPAN	MS BUKU TEKS	TINGKATAN 3
41	A	53	
42	C	72	
43	A	87	
44	B	89	
45	D	107	
46	D	110	
47	B	121	
48	D	127	
49	A	139	
50	C	148	
51	A	155	
52	B	156	
53	B	163	
54	C	176	
55	B	183	
56	D	190	
57	A	205	
58	B	210	
59	C	222	
60	B	230	

Pilihan A = 16 soalan Pilihan B = 15 soalan Pilihan C = 16 soalan Pilihan D = 13 soalan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT